

UMS adakan program anak angkat bersama Jepun

UB 13.1.2015 A2

Oleh S.CONNIE
PEARL SUIL

KOTAKINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) julung kalinya mengadakan program anak angkat bersama Jepun menerusi Keisei Super Science High School.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, program yang melibatkan seramai 12 pelajar daripada sekolah itu akan berlangsung selama tiga hari dua malam.

Menerusi program itu katanya, pelajar yang tinggal bersama keluarga angkat masing-

ing-masing turut menyertai aktiviti berkaitan alam sekitar dan pemuliharaan oleh Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) UMS.

“Setiap hari, jam 8 pagi kita akan menghantar mereka ke institut terbabit untuk aktiviti sepanjang hari dan pada waktu petang mereka akan kembali ke rumah angkat masing-masing.

“Menerusi program ini, kita bukan sahaja dapat mengadakan hubungan rapat tetapi juga mempelajari budaya yang berbeza,” katanya ketika ditemui pemberita pada majlis penyerahan Anak Angkat UMS-Keisei Super Science High School

Jepun di De’ Sireh Cafe UMS kelmarin.

Harun yang turut menerima dua pelajar angkat berkata, beliau dengan sendirinya akan memperkenalkan budaya tempatan di samping mengadakan hubungan rapat di antara keluarganya dengan pelajar terbabit.

“Saya mempunyai dua anak perempuan yang berumur 19 dan 24 tahun, jadi ini memudahkan mereka saling berinteraksi.

“Selain memperkenalkan mereka hidangan tempatan, kita juga akan membawa mereka melawat di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu,” katanya.



HARUN (belakang, tengah) bersama dengan kakitangan UMS yang terlibat dengan program itu merakamkan gambar kenangan bersama dengan anak angkat masing-masing.



KUNJUNGAN KRISMAS: Para pesakit di Hospital Lotong, Kota Marudu ceria apabila menerima kunjungan daripada Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air merangkap Ahli Parlimen Kota Marudu Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, yang melawat ke hospital berkenaan Ahad lepas dengan membawa buah tangan. Ia merupakan lawatan tahunan Maximus ke hospital itu bersempena Krismas dan tahun baharu. Beliau meluangkan masa berbual mesra dengan para pesakit yang kemudiannya menerima beg goodies setiap seorang.